

Kisah Cinta Gadis Jelita di Hutan Belantara

Hanūn dikatakan telah bersumpah yang ia tidak akan kahwin selama-lamanya, kerana takut kalau-kalau dengan perkahwinannya itu akan menyebabkan ia lengah melakukan tugasnya terhadap rajanya, tetapi takdir Allah ia turut terpesona mendengar suara gadis jelita melagukan irama merdu di tengah-tengah hutan belantara malahan ia sendiri memainkan peranan utama untuk menyelamatkan gadis jelita itu daripada menjadi mangsa serigala. Akhirnya ia menyerahkan diri dalam rawatan gadis itu begitu juga gadis itu menyerahkan dirinya kepadanya menjadi suamit isteri setelah sama saling cinta-mencintai. Kesudahannya bagaimana? Silalah baca kisah sejarahnya di bawah ini:

Dari majalah *al-Hilāl*, Mesir

(Terjemahan bebas M.Jim)

Suasana tenang, keadaan udara bersih hari itu, matahari masih lagi memancarkan cahayanya, dan bumi masih lembab basah kerana baharu sahaja dituruni hujan lebat sebentar tadi. Rombongan pemburu yang terdiri dari angkatan diraja itu bersuka hati kerana apa yang dicita-citakan oleh mereka semuanya berhasil, beberapa ekor burung dan arnab, serta beberapa ekor musang untuk digunakan bulunya telah berada di belakang keldai-keldai mereka di bawah jagaan lima orang khadam mereka yang setia.

Rombongan pemburu itu sedang dalam perjalanan mereka untuk kembali daripada lembah gunung Rashia menuju ke istana “Anjar”. Mereka itu terdiri daripada tuan punya istana tersebut Ibrāhīm bin al-Walīd daripada Khalifah Banī Umayyah, Sulaymān bin Hishām daripada puak Banī Umayyah dan Hanūn al-Khattāt daripada orang Damsyik dan orang kanan Khalifah.

Hutan di sekeliling mereka sangat tebal, jalan-jalan yang

dilalui mereka itu amat sempit dan berbahaya, tetapi tiupan bayu yang menghembus sepoi-sepoi bahasa, menyegarkan mereka hingga terlupa kepada kepenatan dan kesusahan yang telah dialami mereka. Mereka berbual-bual dan tiap-tiap seorang daripada mereka itu memperkatakan bagaimana caranya dia memburu tadi. Dan.... tiba-tiba mereka terdengar satu suara merdu menyanyikan lagu-lagu sayu membelas dan mempesonakan siapa yang mendengarkannya:

“Oh Tuhan!

Janganlah Kau jadikan

Hidupku terhina

Juga jangan Kau jadikan

Matiku di antara wanita-wanita yang menangis sedu

Tetapi jadikanlah matiku

Dirubungi oleh helang

Dan dikelilingi oleh binatang-binatang liar

Di Padang Sahara.....”

Kerana terpesona oleh irama lagu merdu itu,

dengan tidak disedari rombongan pemburu itu telah

menuju ke arah dari mana datangnya suara merdu itu. Mereka sampai ke sebalik batu yang dipenuhi oleh semak samun dengan bau-bauan bunga bercampur bau-bauan kayu-kayan hutan, dan tiba-tiba dilihat oleh mereka itu seorang gadis rupawan sedang naik remaja duduk berhampiran dengan saluran air yang memancutkan arinya dari pergunungan, dan di kanan kiri gadis itu kelihatan beberapa banyak kambing yang sedang digembalakan oleh gadis jelita itu, mata dan kepalanya awas dan waspada seperti seorang ibu yang sedang mengawasi segala gerak-geri anak-anaknya yang sedang bermain-main bersuka ria dan bersuka-sukaan.

Gadis itu tiba-tiba terdengar suara tapak kaki rombongan itu mendekatinya, ia segera menoleh ke arah orang ramai yang mendekatinya itu dengan hati berdebar-debar... lidahnya kelu tak dapat hendak berkata apa-apa. Dan sebelum ia membuka mulut untuk bertanya dan sebelum rombongan itu sempat hendak berkata-kata, tiba-tiba terdengar Ibrāhīm bin al-Walīd bersuara lantang menggema sekitar suasana:

“Serigala hendak menerkam.”

Dan dengan sekelip mata, Hanūn al-Khaṭṭāṭ melompat bersama dengan masa serigala itu hendak menerkam gadis yang telah lama diintai-intai untuk dijadikan mangsanya. Berlakulah perjuangan sengit antara manusia dengan binatang buas itu, orang ramai tiada dapat menolong temannya yang sedang bergumpal dengan serigala itu, takut kalau-kalau membahayakan temannya itu, tetapi akhirnya Hanūn dapat mencekik batang leher serigala itu, dengan tidak memperdulikan sakit badannya dicengkam oleh kuku binatang buas itu terus-menerus ia mencekik leher binatang itu hingga lemah segala anggota binatang itu dan mendengus menghembuskan nafas yang terakhir. Lalu dihempaskannya bangkai binatang itu berhampiran gadis jelita itu.

Rombongan itu tercengang melihat peristiwa yang

baharu berlaku di hadapan mata kepala mereka, gadis jelita itu segera mendekati pemuda yang telah berjaya menyelamatkan jiwanya... hilang malu dan hilang segannya terhadap pemuda dan orang ramai yang belum dikenalnya. Melihat darah yang mencurah-curah keluar dari dada pemuda itu, dikoyakkannya baju pemuda itu untuk melihat bagaimana keadaan luka yang dideritai oleh pemuda itu, bila dilihatnya luka itu dalam darah semakin banyak keluar dan keadaan pemuda itu semakin lemah, segera gadis itu meminta orang ramai membawa pemuda itu ke rumahnya, setelah diberi rawatan sementara untuk memberhentikan darah daripada mengalir keluar, pemuda itu diusung beramai-ramai untuk dibawa ke pondok gadis itu yang didiami olehnya dan kedua ibu bapanya.

Di dalam perjalanan menuju ke desa kerdil itu, Ibrāhīm al-Walīd dapat mengetahui bahawa gadis itu bernama “Nadā” anak perempuan kepada seorang peladang yang bernama “Fahd al-Rā‘ī” kerjanya sebagai penjual kayu api bersama-sama dengan anak-anak desa kerdil yang hanya mengandungi lima atau enam buah rumah di tengah-tengah hutan tebal itu, dan dia (anak gadis itu) ditugaskan untuk mengembala kambing-kambing kepunyaan keluarga-keluarga itu.

Ibrāhīm bin al-Walīd bertanya kepada gadis itu bagaimana ia dapat menghafal syair dari ‘Antarah bin Shadād, dan mengapa ia menyukai syair itu daripada yang lain-lain? Gadis jelita itu menjawab ia lebih suka menghafalkan syair itu kerana ia diciptakan oleh seorang pahlawan yang berasal daripada desanya, dan ia dahulu adalah pengembala kambing juga.

Pada malam itu menginaplah Ibrāhīm bin al-Walīd dengan orang-orang kanannya di pondok desa kerdil itu, dan pada keesokan harinya mereka meneruskan perjalanan kembali ke istana “Anjar” meninggalkan teman yang luka itu

di pondok desa tersebut, untuk dirawat oleh Nadā gadis jelita desa kerdil itu dan kedua orang tuanya. Yaitu setelah mereka itu tidak menaruh khuatir sebab luka yang diderita oleh pemuda itu tidaklah mendalam seperti sangkaan mereka pada mulanya.

Setelah dua minggu Ḥanūn dijaga dan dirawat oleh keluarga penjual kayu di hutan itu, sembuhlah ia daripada lukanya, pulih kembali segala kekuatannya. Adapun Ibrāhīm bin al-Walīd sentiasa berulang-alik melihat bagaimana keadaan dan kesihatan teman yang disayanginya dan daripada lawatannya yang berkali-kali itu dapatlah diketahuinya bahawa suatu perhubungan erat dan mesra telah berlaku antara gadis dan teruna harapannya itu. Dan tidaklah meleset segala sangkaannya itu, kerana pada suatu ketika yang baik setelah dua minggu pemuda itu berada di rumah desa kerdil tersebut, Ḥanūn menceritakan kepadanya peristiwa yang sebenarnya, ia mahu pulang ke istana dengan syarat gadis jelita itu juga disetujui untuk tinggal bersama dengannya di istana untuk dijadikannya isteri.

Mendengar itu Ibrāhīm bersukacita, dia berjanji akan menyempurnakan segala kemahuan teman setia yang dikasihinya itu. Sampai masanya dibinakan sebuah rumah berhampiran istananya untuk kedua mempelai, dan dipanggilnya semua penduduk desa kerdil itu untuk menghadiri pesta ria kerana melangsungkan perkahwinan gadis desa itu dengan Ḥanūn sahabatnya yang paling dikasihi, demikianlah semua kaum bersuka ria di dalam pesta tersebut selama tiga hari tiga malam.

Al-Walīd bin ‘Abd al-Malik bin Marwān telah menduduki takhta kerajaan Banī Umayyah di Damsyik pada tahun 97 Hijrah bersamaan dengan tahun 715 Masihi, al-Walīd

mangkat sebelum siap ia membina istana ‘Anjar, dan oleh khalifah-khalifah yang memerintahnya setelah itu dibiarkan istana itu tidak siap begitu sahaja. Kerana itu bila anaknya Ibrāhīm bin al-Walīd memerintah dibelinya istana ‘Anjar itu dengan harta Baitulmal dan diteruskan pembinaannya dengan seindah-indahnya. Diadakan air yang memancar kawasan istana, keliling istana ditanami dengan pokok-pokok yang rendang-rendang, di dalam istana itu dihiasi dengan segala hiasan yang mahal-mahal harganya, di dalam istana itulah ia bersemayam, jauh dari kota dan jauh dari segala sengketa orang-orang besarnya yang sentiasa berebut-rebutan pangkat dan kuasa.

Di dalam istananya yang indah itu, dikumpulkannya beberapa kawan dan teman yang dipercayainya dan di antaranya ialah Ḥanūn al-Khaṭṭāṭ al-Dimashqī, sebagai orang kepercayaan, Sulaymān bin Hishām al-Umawī dan lain-lain lagi yang terdiri dari ahli-ahli syair, ahli-ahli penunggang kuda yang mahir untuk menyenangkan dia kalau hendak berpergian melihat hal ehwal rakyatnya di serata pelusuk negeri.

Ḥanūn adalah orang yang paling disayanginya, sampai ia mengetahui segala rahsia Khalifah dan Khalifah Ibrāhīm mengetahui segala rahsianya. Ḥanūn kononnya telah bersumpah yang ia tidak akan kahwin buat selama-lamanya, kerana takut kalau-kalau dengan perkahwinan itu akan menyebabkan ia lengah daripada melakukan tugasnya terhadap rajanya, tetapi takdir tidak dapat disalahi, ia turut terpesonan mendengar suara gadis jelita itu melagukan irama merdu di tengah-tengah hutan belantara itu, malahan ia turut memainkan peranan utama untuk menyelamatkan gadis jelita itu daripada menjadi mangsa serigala. Dan berakhir dengan ia menyerahkan diri dalam rawatan gadis itu, dan akhirnya sekali gadis itu pula menyerahkan diri kepadanya, menjadi suami isteri setelah sama-sama saling cinta-mencintai.

Ḥanūn terpesona oleh kecerdasan Nadā isterinya, dalam menghafal syair-syair pujangga Arab di zamannya, selain daripada terpesona oleh kejelitaan asli gadis desa itu. Ḥanūn telah melatih isterinya memetik gambus untuk sama-sama bersuka ria di waktu lapang. Kedua suami isteri itu sama-sama menyangka bahawa mereka berdua sama-sama akan hidup di dalam bahagia sepanjang hayat mereka.

Adapun Khalifah Ibrāhīm bin al-Walīd turut bersukacita, kerana kebahagiaan dua suami isteri itu, baginda sering memberi hadiah-hadiah dan pemberian-pemberian yang berharga kepada suami isteri yang setia itu. Baginda lebih-lebih bersukacita bila kedua suami isteri itu mendapat cahaya mata seorang anak lelaki yang kemudiannya dinamakan Ibrāhīm mengambil sempena nama raja yang sangat pengasih dan penyayang.

Tetapi masa tidak selalu senyum untuk kedua suami isteri itu, kerana setelah puas senyum, akan bermuram durja pula, seperti muramnya suasana sekitar keluarga diraja Banī Umayyah di Damsyik, apabila mereka itu sesama sendiri bertelingkah kerana merebut-rebutkan pusaka dan pemerintahan. Hingga suasa itu menjadi lebih tegang dan lebih hebat.

Kejatuhan kerajaan Banī Umayyah sudah terbayang nyata, daripada perang saudara yang selalu berlaku di kalangan mereka, Ibrāhīm hanya menjadi khalifah dalam beberapa hari atau beberapa bulan, kerana tidak lama kemudian ia telah diperangi oleh Marwān bin Muḥammad dan berlakulah pertempuran sengit antara kedua belah pihak yang bermusuhan dan berebutan takhta kerajaan. Di dalam pertempuran itulah Sulayman bin Hisham tewas di medan peperangan dan Ḥanūn al-Khaṭṭāṭ turut juga gugur kerana mempertahankan tuannya.

Terpaksalah Ibrāhīm bin al-Walīd mengaku dan menyerah

kalah kepada lawannya. Damsyik dan seluruh jajahan takluknya di bawah pemerintahan Marwān bin Muḥammad yang menggelarkan diri sebagai Khalifah Banī Umayyah yang ketiga belas, dan dialah khalifah yang terakhir dari kerajaan Banī Umayyah.

Ibrāhīm merasa dirinya terancam dan tidak aman di Damsyik, kerana itu ia memberi selamat tinggal kepada teman-teman dan rakan-rakannya, dibahagi-bahagikan segala harta benda di istananya kepada teman-temannya yang tinggal di Damsyik dan yang mahu mengikutnya, kemudian ia mempelawa Nadā bekas isteri temannya Ḥanūn sama ada mahu mengikutnya atau mahu tetap tinggal di Damsyik, tetapi Nadā dengan air mata yang berlinang-linang memohon dan meminta belas kasihan daripada bekas rajanya:

“Tuanku! Hamba mula hidup di desa kecil, mengembala kambing dan ternakan, maka hamba akan menghabiskan umur hamba di desa tempat tumpah darah hamba, dan satu-satunya harapan hamba, benarkanlah hamba membawa mayat suami hamba untuk hamba perkuburkan di tempat mula-mula kami bertemu...”

Pada keesokan harinya, keluarlah dari istana “Anjar” satu rombongan besar yang terdiri dari raja bekas khalifah yang terpecat serta pengikut-pengikutnya dan bersama-sama mereka satu angkatan jenazah yang diiringi oleh isteri yang berdukacita mendukung anaknya dan teman-temannya yang berkabung.

Sampai di perbatasan negeri di mana tempat teruna dan dara itu bertembung mata buat pertama kalinya, Nadā hampir-hampir diterkam oleh serigala, di situlah dikuburkan jenazah Ḥanūn al-Khaṭṭāṭ al-Dimashqī disaksikan oleh anaknya, isterinya dan teman-temannya dengan wajah muram dan ulu kepala menunduk mengenang peristiwa-peristiwa lama, di mana dengan beraninya Ḥanūn membunuh serigala untuk menyelamatkan gadis jelita yang telah menawan hatinya.

Istiadat mengkebumikan jenazah itu berakhir dengan
suatu peristiwa yang berlaku di hadapan mata mereka,
Nadā wanita yang berasal dari gadis desa kerdil
itu bangun dan mematahkan dua anak kayu yang didapati
di sekelilingnya, lalu dicacakkan di atas perkuburan bekas
suaminya itu sebagai tanda (nisan) ingatan yang tidak
akan dilupa-lupakan.

Tiada satu suara berbunyi, tiada juga suara
tangis sedu, hanya masing-masing terharu....sambil
menghening cipta, di telinga mereka terdengar suara merdu
Nadā di masa gadis dahulu melagukan irama yang
mempesona:

“Oh Tuhan
Janganlah Kau jadikan
Hidupku terhina
Juga jangan Kau jadikan

Matiku di antara wanita-wanita yang menangis sedu...”
Apa yang telah didengung-dengungkan dengan air mata yang manis
merdu, dari syair ciptaan ‘Antarah bin Shaddād itu,
benar-benar mempengaruhi suasana ketika itu, kerana peristiwa
itu benar-benar berlaku kepada bekas suami Nadā dan bekas
kekasihnya.

Dari cerita asalnya:

“*Nadā rā‘iyyah al-ghanam*”

Oleh Habib Jamati

Pasukan Palang Merah kerajaan Pakistan,
sekarang telah ditukar dengan nama “*Hilāl Aḥmar*” sejalan
dengan pasukan-pasukan *Hilāl Aḥmar* di negara-negara Islam di Timur
Tengah.

Orang Melayu Singapura terdesak hidup-nya!

Puncha-nya?:—

Bacha buku:

PERISTEWA-PERISTEWA SIASAH DI-TANAH MELAYU

OLEH: EDRUS.

Harga-nya \$3.00 — Pos 15 sen.

Qalam

356/8, Geylang Road,

Singapura-14.